

FAQ untuk semakan tarif

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Kenapa tarif air perlu disemak?	<ul style="list-style-type: none">• Tarif perlu disemak atas faktor-faktor berikut:<ul style="list-style-type: none">○ Tarif semasa yang rendah tidak menggambarkan kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan air yang terdiri daripada perbelanjaan operasi (OPEX) harian serta perbelanjaan modal (CAPEX) bagi tujuan pembangunan infrastruktur;○ Peningkatan OPEX dan CAPEX tahunan tidak diimbangi dengan semakan kadar tarif yang setara;○ Bagi membolehkan pelaksanaan pembangunan infrastruktur bekalan air sebagaimana yang dirancang supaya isu-isu/aduan bekalan air dapat diatasi dan diselesaikan;○ Prestasi kewangan yang lemah boleh menjejaskan tahap perkhidmatan operator sekaligus tidak dapat memenuhi permintaan pengguna; dan○ Terdapat beberapa negeri yang tarifnya tidak disemak melebihi 25 tahun iaitu Pahang dan Perlis di mana semakan tarif terakhir masing-masing adalah pada tahun 1983 (bersamaan dengan 39 tahun) dan 1996 (bersamaan dengan 26 tahun).
2.	Berapakah purata kos bagi merawat dan membekalkan air berbanding purata tarif?	<ul style="list-style-type: none">• Purata kos bagi merawat dan membekalkan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">○ Purata OPEX adalah sebanyak RM1.11/m³; dan○ Purata kos keseluruhan (OPEX dan CAPEX) adalah RM1.68/m³.• Manakala purata tarif yang dikutip daripada pengguna adalah lebih rendah daripada purata kos keseluruhan iaitu RM1.37/m³.
3.	Siapakah yang akan terkesan dengan pelaksanaan pelarasan tarif yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022?	<ul style="list-style-type: none">• Berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022, pelarasan tarif akan dilaksanakan bagi kategori Bukan Domestik serta kategori khas iaitu Rumah Ibadat/Institusi Kebajikan dan Perkapalan. Pengguna-pengguna bagi kategori-kategori tersebut dijangka akan mengalami perubahan pada bil air bulanan bergantung pada jumlah penggunaan air bulanan masing-masing.• Semua pengguna Domestik tidak akan terkesan dengan pelaksanaan pelarasan tarif ini kerana tiada perubahan pada kadar dan struktur tarif. Operator air juga disarankan untuk meneruskan inisiatif masing-masing untuk memberikan bantuan kepada pengguna domestik secara bersasar yang

Bil.	Soalan	Jawapan
		diamalkan seperti pemberian rebat kepada pengguna B40.
4.	Siapakah pengguna di bawah kategori Bukan Domestik serta kategori khas (Rumah Ibadat/Institusi Kebajikan, Perkapalan)?	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna di bawah kategori Bukan Domestik terdiri daripada premis komersial, industri, perdagangan, perniagaan, kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital, perusahaan pemprosesan air (termasuk kios air), perladangan dan perkebunan. • Pengguna di bawah kategori khas terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> ○ Rumah ibadat yang diluluskan oleh kerajaan atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau yang diluluskan oleh badan keagamaan berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan bagi memberikan kelulusan rumah ibadat; ○ Institusi kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, atau diberikan pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebuah institusi kebajikan; dan ○ Pelabuhan yang membekalkan air untuk kegunaan kapal. • Walau bagaimanapun, operator air negeri boleh memberikan atau meneruskan pemberian rebat untuk kategori yang difikirkan perlu seperti amalan sedia ada. Contohnya, pemberian rebat bagi penggunaan 20m³ pertama untuk rumah ibadat dan sebagainya.
5.	Apakah kaedah yang diguna pakai dalam pelarasan tarif?	<ul style="list-style-type: none"> • Pelarasan tarif dilaksanakan dengan menggunakan Mekanisme Penetapan Tarif (<i>Tariff Setting Mechanism</i> [TSM]). Ianya merupakan suatu mekanisme seragam untuk pengiraan tarif yang adil dan telus. • Melalui TSM, perkara-perkara berikut dapat dilaksanakan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Penyeragaman struktur tarif yang pelbagai kepada 2 kategori utama (Domestik dan Bukan Domestik) dan 3 kategori khas (Rumah Ibadat/Institusi Kebajikan, Domestik Pukul dan Perkapalan); ○ Penetapan komponen kos tarif yang ditampung oleh setiap kategori; dan ○ Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum. • Walau bagaimanapun, pelarasan tarif pada 1 Ogos 2022 tidak dapat dilaksanakan berdasarkan konsep TSM secara sepenuhnya bagi mengelakkan implikasi yang mendadak ke atas pengguna. • Dalam hal ini, TSM separa akan dilaksanakan dengan purata kenaikan keseluruhan di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan sebanyak 25 sen bagi setiap meter padu.

Bil.	Soalan	Jawapan
6.	Apakah manfaat pelarasan tarif kepada pengguna?	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahbaikan infrastruktur bekalan air dapat dilaksanakan dan seterusnya dapat memenuhi permintaan bekalan air pengguna. • Pengguna akan dapat menikmati tahap dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Sebagai contoh, penurunan dalam insiden gangguan bekalan air apabila penyenggaraan berkala serta penggantian paip usang dapat dilaksanakan oleh operator air dan aduan pengguna dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. • Namun demikian, pengguna harus faham bahawa bukan semua penambahbaikan dapat dirasakan dalam jangka masa pendek dengan mengambil kira <i>lead time</i> yang diperlukan oleh operator dalam melaksanakan kerja penambahbaikan infrastruktur yang dirancang.
7.	Adakah pelarasan tarif air sama di setiap negeri?	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar kenaikan untuk kategori Bukan Domestik di setiap negeri adalah berbeza-beza bergantung pada keperluan dan situasi di negeri masing-masing. • Faktor-faktor yang menentukan kenaikan yang diperlukan adalah bergantung pada: <ul style="list-style-type: none"> ○ Keadaan infrastruktur sistem bekalan air di setiap negeri; ○ Jenis sistem bekalan air; ○ Sumber dan kualiti air mentah; ○ Topografi kawasan agihan bekalan air; ○ Komposisi pengguna di setiap negeri; ○ Jurang perbezaan antara kadar sedia ada dengan kadar yang dikira berdasarkan TSM; ○ Perancangan pembangunan di setiap negeri; dan ○ Liabiliti terdahulu yang perlu ditanggung oleh operator masing-masing.
8.	Bagaimanakah pengguna Bukan Domestik boleh mengurangkan bil air?	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi mengurangkan bil air, pengguna Bukan Domestik disarankan untuk: <ul style="list-style-type: none"> ○ Menggunakan produk cekap air di premis; ○ Membaiki sebarang kebocoran paip dan pili air di premis; dan ○ Menggunakan sistem penuaian air hujan (<i>rain water harvesting</i>) dan air yang dikitar semula (<i>recycled water</i>) sebagai sumber air alternatif untuk kegunaan bukan minuman. • Menggunakan air secara berhemat.

Bil.	Soalan	Jawapan																																							
9.	Adakah kadar tarif air di Malaysia tinggi berbanding dengan negara-negara lain?	<p>Caj tarif bagi setiap meter padu di Malaysia adalah antara yang terendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia seperti di jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="504 412 1272 983"> <thead> <tr> <th data-bbox="504 412 778 524">Negara</th> <th data-bbox="778 412 1027 524">Caj Bagi Setiap Meter Padu (USD/m³)</th> <th data-bbox="1027 412 1272 524">Caj Bagi Setiap Meter Padu (RM/m³)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td data-bbox="504 524 778 562">Myanmar</td><td data-bbox="778 524 1027 562">0.02</td><td data-bbox="1027 524 1272 562">0.09</td></tr> <tr><td data-bbox="504 562 778 600">Brunei</td><td data-bbox="778 562 1027 600">0.08</td><td data-bbox="1027 562 1272 600">0.35</td></tr> <tr><td data-bbox="504 600 778 638">Indonesia</td><td data-bbox="778 600 1027 638">0.26</td><td data-bbox="1027 600 1272 638">1.15</td></tr> <tr><td data-bbox="504 638 778 676">Malaysia</td><td data-bbox="778 638 1027 676">0.28</td><td data-bbox="1027 638 1272 676">1.22</td></tr> <tr><td data-bbox="504 676 778 714">Vietnam</td><td data-bbox="778 676 1027 714">0.31</td><td data-bbox="1027 676 1272 714">1.37</td></tr> <tr><td data-bbox="504 714 778 752">Thailand</td><td data-bbox="778 714 1027 752">0.38</td><td data-bbox="1027 714 1272 752">1.68</td></tr> <tr><td data-bbox="504 752 778 790">Philippines</td><td data-bbox="778 752 1027 790">0.66</td><td data-bbox="1027 752 1272 790">2.92</td></tr> <tr><td data-bbox="504 790 778 828">South Korea</td><td data-bbox="778 790 1027 828">0.70</td><td data-bbox="1027 790 1272 828">3.09</td></tr> <tr><td data-bbox="504 828 778 866">Singapore</td><td data-bbox="778 828 1027 866">1.33</td><td data-bbox="1027 828 1272 866">5.88</td></tr> <tr><td data-bbox="504 866 778 904">Japan</td><td data-bbox="778 866 1027 904">1.34</td><td data-bbox="1027 866 1272 904">5.92</td></tr> <tr><td data-bbox="504 904 778 943">New Zealand</td><td data-bbox="778 904 1027 943">1.75</td><td data-bbox="1027 904 1272 943">7.74</td></tr> <tr><td data-bbox="504 943 778 981">Australia</td><td data-bbox="778 943 1027 981">2.76</td><td data-bbox="1027 943 1272 981">12.20</td></tr> </tbody> </table> <p data-bbox="504 1025 576 1055"><i>Nota:</i></p> <p data-bbox="504 1061 1434 1205">i. <i>Caj bagi Malaysia merujuk kepada purata tarif keseluruhan (selepas pelarasan tarif yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022) bagi penggunaan 20m³ pertama di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan</i></p> <p data-bbox="504 1211 1434 1321">ii. <i>Caj bagi negara-negara lain merujuk kepada The International Benchmarking Network for Water and Sanitation Utilities (IBNET) (https://tariffs.ib-net.org/sites) yang diakses pada 5 Julai 2022</i></p>	Negara	Caj Bagi Setiap Meter Padu (USD/m ³)	Caj Bagi Setiap Meter Padu (RM/m ³)	Myanmar	0.02	0.09	Brunei	0.08	0.35	Indonesia	0.26	1.15	Malaysia	0.28	1.22	Vietnam	0.31	1.37	Thailand	0.38	1.68	Philippines	0.66	2.92	South Korea	0.70	3.09	Singapore	1.33	5.88	Japan	1.34	5.92	New Zealand	1.75	7.74	Australia	2.76	12.20
Negara	Caj Bagi Setiap Meter Padu (USD/m ³)	Caj Bagi Setiap Meter Padu (RM/m ³)																																							
Myanmar	0.02	0.09																																							
Brunei	0.08	0.35																																							
Indonesia	0.26	1.15																																							
Malaysia	0.28	1.22																																							
Vietnam	0.31	1.37																																							
Thailand	0.38	1.68																																							
Philippines	0.66	2.92																																							
South Korea	0.70	3.09																																							
Singapore	1.33	5.88																																							
Japan	1.34	5.92																																							
New Zealand	1.75	7.74																																							
Australia	2.76	12.20																																							
10.	Bagaimanakah pihak kerajaan dan pengawalselia memantau prestasi operator air?	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="504 1368 1434 1688">• SPAN akan memantau prestasi operator air melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="549 1413 1434 1523">○ Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan merangkumi aspek teknikal, kewangan dan khidmat pelanggan; <li data-bbox="549 1529 1434 1568">○ Pengauditan berkala ke atas pengoperasian; <li data-bbox="549 1574 1434 1648">○ Pelaksanaan CAPEX selaras dengan Rancangan Perniagaan yang telah diluluskan; dan <li data-bbox="549 1655 1434 1688">○ Pelaporan prestasi kewangan. <li data-bbox="504 1695 1434 1850">• SPAN akan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya operator air didapati tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan perundangan subsidiari termasuk syarat lesen yang dikenakan. 																																							